

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Kelebihan penggunaan VPN

APAKAH kelebihan penggunaan perkhidmatan VPN (Virtual Private Network) untuk akses internet?

- **ABDULLAH, SUNWAY**

TERIMA KASIH. Seterusnya disenaraikan beberapa kelebihan yang boleh diperoleh sekiranya menggunakan perkhidmatan VPN untuk mencapai internet atau rangkaian awam.

- Perkhidmatan ini memberikan susasana privasi dalam capaian Internet dan penyembuyian alamat IP (*Internet Protocol*).
- Capaian internet atau rangkaian komputer dalam keadaan selamat kerana sambungannya dienkripsi.
- Masuk atau *login* rangkaian komputer di rumah atau di tempat kerja daripada mana-mana tempat dengan selamat dan yakin.
- Berupaya melepas sebarang tindakan pemantauan dan penapisan kandungan ketika capaian Internet.
- Berupaya melepas sebarang aplikasi *Firewall* dan polisi penapisan kandungan ketika capaian Internet.
- Boleh mencapai mana-mana laman web atau perkhidmatan yang disekat oleh pihak berkuasa setempat seperti video daripada Youtube dan lain-lain.
- Proses penghantaran dan penerimaan sebarang fail menerusi Internet dapat dilakukan secara rahsia.
- Dapat sembunyikan sebarang panggilan telefon menerusi internet atau perkhidmatan VoIP (*Voice over Internet Protocol*).
- Penggunaan laman web enjin carian dapat dibuat dengan menyumbunyikan sebarang identiti pengguna.
- Penyembunyian identiti pengguna ketika melayari internet atau menggunakan apa-apa perkhidmatan menerusi internet.

Namun begitu, penggunaan perkhidmatan VPN tidak berupaya menyembunyikan segalanya kerana penggunaan perkhidmatan enjin carian berupaya mengenal pasti identiti pengguna dengan beberapa cara seperti penggunaan fungsi *cookies*, tabiat pelayaran web oleh pengguna sebelumnya, pendaftaran akaun pengguna dan penggunaan program tambahan pelayar web atau *browser plug-ins*.